

MUIP bantu mangsa ribut di FELDA Lakum

Oleh [Mohd Rafi Mamat](#) - Jun 9, 2021 @ 1:54pm

bhnews@bh.com.my



Asmadi (dua dari kiri) menyampaikan bantuan bencana kepada Ismail di FELDA Lakum, Lanchang.- NSTP/ MOHD RAFI MAMAT

TEMERLOH: Seramai 60 mangsa ribut dan angin kencang di FELDA Lakum, Lanchang, Ahad lalu, menerima bantuan bencana sebanyak RM23,500 disediakan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), yang disampaikan semalam.

Setiap mangsa menerima bantuan wang tunai antara RM200 hingga RM1,500 bergantung pada kerosakan rumah dan jumlah kerugian dialami.

Peneroka FELDA Lakum, Ismail Adnan, 70, berkata sejak 25 tahun menetap di situ, kejadian ribut ini kali pertama berlaku yang menyebabkan keseluruhan atap zink ruang tamu dan sebahagian dapur rumahnya diterbangkan angin kencang.

Katanya, kejadian itu menyebabkan beliau kerugian lebih RM20,000 selepas semua barangan dan perabot musnah akibat hujan lebat memasuki rumah.

"Walaupun menanggung kerugian, namun saya bersyukur kami selamat selepas semua atap diterbangkan angin kencang dalam sekelip mata.

"Saya reda dengan apa yang berlaku dan bantuan diterima ini dapat meringankan beban yang ditanggung," katanya selepas menerima bantuan bencana daripada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Baitulmal dan Operasi MUIP, Dr Asmadi Abdul Rahman.

Kejadian ribut dan angin kencang pada jam 5 petang Ahad lalu itu menyebabkan 60 rumah peneroka FELDA Lakum rosak pada bahagian bumbung.

Kejadian sama turut berlaku di Kampung Belengu, di sini, sehari selepas itu yang menyebabkan enam rumah mengalami kerosakan pada bahagian atap.

Sementara itu, Asmadi berkata, MUIP menyediakan peruntukan RM23,500 bantuan bencana yang diagihkan kepada 66 mangsa ribut dan angin kencang di daerah ini.

Beliau berkata, bantuan bencana disediakan MUIP diharap dapat meringankan beban mangsa bagi menampung kos baik pulih rumah yang rosak.

"Kebanyakan rumah mengalami kerosakan atap dan kayu yang patah diterbangkan angin kencang.

"Bagi menjimatkan perbelanjaan membaiki kerosakan rumah, mangsa disaran mengadakan aktiviti gotong-royong secara berperingkat," katanya.